Doa Ekonomi Negara

Doa ekonomi negara ini telah dibacakan oleh Tuan Haji Ghazali Imam Besar Masjid Negara di majlis pembukaan rasmi "Persidangan para Alim Ulama Seluruh Malaysia" memperbincangkan soal wang zakat dan fitrah untuk pembangunan ekonomi negara, yang telah diadakan di Bangunan MARA Kuala Lumpur pada hari Sabtu dan Ahad 10, 11 haribulan Februari 1968 yang lalu. Persidangan tersebut telah dirasmikan pembukaannya oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein Timbalan Perdana Menteri Malaysia. – Pengarang.

Naḥmaduka yā ilahunā ḥamdan yarḍīka kamā anta lahu ahl, wa nashkuruka yā rabbunā 'alā awliyatinā min ni'mati al-tawfīqi wa nas'aluka yā walīyunā an tatawalla'anā wa an tamunna 'alaynā bi 'iṣmatika lanā min kulli mā tuḥibbu hattā lā nulaqqak illā wa anta rāḍa 'annā. Allāhumma ṣalli 'alā sayyidinā Muḥammadin ṣalātan tanfariju bihā al-kurbu wa taqḍā bihā al-ḥawā'iju wa tanālu bihā al-raghā'ibu wa 'alā alihi wa ṣaḥbihi wa sallim.

Ya Allah kerana mematuhi firman-Mu ***wa lā tansa naṣibaka mina al-dunyā.*** Jangan lupakan habuan engkau daripada kehidupan dunia maka inilah kami bersidang dan kami memohonkan berkat, kami mohon terlaksana dengan sepenuh maju dan kembang.

Yā Allāh yā Raḥīm Engkau telah mengutuskan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* menyampaikan firman-firman dan wahyu-wahyu-Mu dan Engkau perjodohkan dengan *Umm al-Mu'minīn* Saiyidatina Khadijah *raḍiya Allāhu 'anhā* seorang ahli ekonomi dan seorang ahli perniagaan maka dengannya berkembanglah Islam dan suburlah tauhid sehingga sampai kepada kami. Kini Engkau telah kurniakan kami dengan agama Islam dan agama tauhid. Maka kurniakanlah kami ekonomi yang kukuh, pencarian yang sihat dan halal sebagaimana yang Engkau kurniakan kepada umat-umat Islam di zaman gemilang yang lampau.

Ya Allah kami adalah sedar bahawa sebahagian daripada perjalanan ekonomi negara kami ini tidak sempurna dan sihat sebagaimana ajaran Nabi kami tetapi apalah daya kami. Iman kami lemah semangat kami kaku, pengaruh di sekeliling menekan kami. Maka berilah kami iman yang sempurna takwa yang sejati semangat yang hidup dan lepaskanlah kami dari tekanan pengaruh-pengaruh yang tiada Engkau redai itu. Supaya kami kembali kepada semua cara yang Engkau redai.

Tuan Haji Ghazali Imam Besar Masjid Negara Kuala Lumpur.

Ya Allah dengan Kekuasaan-Mu Yang Maha Tinggi dan Kebijaksanaan-Mu yang Maha Luas dan Kemurahan-Mu yang Maha Limpah Engkau telah mengurniakan kemerdekaan negara kami dan sekarang telah lebih sepuluh tahun sebagaimana Engkau ketahui maka bilakah lagi Engkau akan mengurniakan tenaga-tenaga ekonomi kepada bumiputera negara. Ya Allah kalau kajah telah Engkau kurniakan dan kuasanya di tangan orang lain maka kecewalah kami dan rugilah kami.

Ya Allah Engkau Maha Mengetahui betapa pincangnya masyarakat kami dan betapa buruknya moral dan akhlak sebahagian dari kami setahu kami puncanya ialah kemiskinan dan kejahilan, maka benarlah sabda Nabi kami Saiyidina Muḥammad (S.A.W) ***kadā al-faqru an yakūna kufrā,*** hampir-hampirlah kepapaan itu membawa kekufuran dan sabdanya: ***Al-jahlu aqrabu ilā al-kufri ka biyāḍu al-'ayni wa sawādihā,*** kejahilan itu lebih hampir kepada kekufuran seperti putih mata dan hitamnya. *Yā Allāh yā Raḥīm yā Ḥalīm yā Karīm,* perbaikilah ekonomi kami, mewahkanlah kehidupan kami, bukalah peluang kami mencari ilmu pengetahuan, majukanlah rancangan-rancangan negara dan kekalkanlah keamanan, ketenteraman dan persaudaraan di antara penduduk di negara ini. Ya Allah Engkau Maha Mengetahui bahawa bagi kami inilah sahaja tanah air dan tempat tumpah darah kami kepada Engkaulah kami berserah dan bergantung jika Engkau sia-siakan maka kecewalah kami.

Allāhumma aṣliḥ dīnanā alladhī huwa 'iṣmata umūranā wa aṣliḥ lanā dunyānā allatī fīhā ma'āshunā wa aṣliḥ lanā akhirātanā allatī fīhā ma'ādunā wa ij'al al-ḥayāta ziyādatan lanā fī kulli khayri wa ij'al al-mawta rāḥatan lanā min sharrihi anta wa liyyunā fī al-dunyā wa al-akhirati tawaffanā muslimīna wa alḥiqnā bi al-ṣāliḥīn.